

ABSTRAK

Disertasi ini merupakan satu kajian terhadap manuskrip Kitab *Ghāyat al-Marām* karangan Syeikh Daud bin ‘Abdullah al-Faṭānī yang bernombor MSS 2838 dalam katalog Perpustakaan Negara Malaysia. Ia dipilih berasaskan tanggapan bahawa tiada karya lain dalam Bahasa Melayu yang membicarakan secara terperinci mengenai ibadat haji dan ‘umrah. Analisis terhadap manuskrip dilakukan dengan menggunakan kaedah transliterasi iaitu menyalin semula teks kepada tulisan rumi dengan penstrukturan semula ayat, menerangkan perkataan-perkataan penting, menghuraikan masalah dan pentakhrijan hadith-hadith dan doa. Analisis terhadap kandungan kitab ini menunjukkan kepakaran dan ketelitian Syeikh Daud dalam bab haji seperti pengertian haji dan ‘umrah, maksud berkuasa mengerjakan haji, keterangan mengenai segala amalan ibadat haji dan ‘umrah, falsafah dan pengajaran daripada ibadat haji, adab-adab ketika pulang dan tatacara kehidupan seterusnya.

ABSTRACT

This dissertation is a study on manuscript of "*Kitāb Ghāyat al-Marām*" by Syeikh Daud bin 'Abdullah al-Faṭānī which is catalogued as MSS 2838 in Malaysia National Library. It is selected on the basis that there is no study yet in great depth in the Malay Language with regard to the haj and 'umrah pilgrimage. The analysis is made using the transliteration method. In this method, the original text is rewritten in romanised Malay, where the sentences are restructured, important words are explained, problems are examined and the sources of the prophet's sayings (hadith) and recitations of prayer (doa) are confirmed. This analysis shows Syeikh Daud's detailed expertise on the haj pilgrimage such as the definitions of the haj and 'umrah, elaboration on one's ability in performing the haj, a comprehensive explanation about the religious practices of the haj and 'umrah, the philosophical and educational values in undertaking the haj, the customary activities on returning home after the haj and the ways of life onwards.